

26/07/2002

Kenderaan diingot tidak ganggu lalu lintas di Bukit Jalil

Anida Salwani Abdul Hadi

KUALA LUMPUR, Khamis - Polis memberi amaran keras akan menunda kenderaan yang didapati mengganggu lalu lintas di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, sempena acara amal 'One Nation We Care' dan Konsert Mega Mollywood yang diadakan serentak, lusa.

Perhimpunan One Nation We Care akan diadakan di Stadium Nasional manakala Konsert Mega Mollywood di Stadium Putra, kedua-dua jam 8 malam.

Kira-kira 120,000 orang dijangka membanjiri Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil pada malam itu bagi menjayakan kedua-dua acara berkenaan.

Ketua Trafik Bandaraya, Superintendan Ahmad Shamsuri Ahmad Mukhri, berkata polis sudah mengadakan perancangan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menunda kenderaan yang mengganggu lalu lintas di sekitar kompleks sukan itu.

"Kita menyediakan 10 trak tunda dan kenderaan yang ditunda akan diletakkan di satu kawasan lain yang berdekatan bagi membolehkan pemiliknya menuntutnya kemudian," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau berkata, kenderaan yang menuju ke Stadium Nasional bagi acara One Nation We Care diminta melalui persimpangan Awan Kecil dari Lebuhraya Keras, seterusnya melalui Jalan West dan meletakkan kenderaan di zon letak kereta B, berdekatan stadium berkenaan.

"Mereka juga boleh membelok ke kiri menuju ke Jalan North untuk meletakkan kenderaan di zon letak kereta F, yang berhadapan Kompleks Stadium Hoki atau terus ke Taman Keluarga yang berdekatan," katanya.

Kenderaan awam yang mempunyai pelekat khas boleh meletak kereta di zon letak kereta C.

One Nation We Care akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka 100,000 orang hadir yang turut disertai artis tempatan.

Orang ramai boleh menyertai acara amal itu dengan membeli tiket RM2 dan berpeluang memenangi pelbagai hadiah bertuah termasuk rumah dan kereta.

Hasil kutipan itu akan didermakan kepada Tabung Aids Malaysia dan Majlis Kanser Negara (Makna).

Sementara itu, Ahmad Shamsuri, berkata kenderaan yang menuju ke Stadium Putra, bagi acara konsert mega Mollywood dinasihatkan melalui Jalan Puchong Link menghala ke arah Astro, manakala kenderaan dari Seremban memasuki persimpangan di bulatan Kelab Lumba Kuda, Seri Kembangan.

Katanya, semua kenderaan itu akan diarahkan ke zon letak kereta D dan E yang dikhaskan kepada penonton Mollywood melalui persimpangan Taman Perindustrian Malaysia.